



BANTUAN KHAS KEPADA PENGUSAHA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) YANG TERKESAN DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

SOALAN LAZIM (FAQ)

1. Kategori TASKA apakah yang layak memohon?

Kategori TASKA yang layak memohon bantuan khas ini berdasarkan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] adalah seperti berikut:

i. TASKA Institusi

- Menerima 10 orang atau lebih kanak-kanak dalam jagaan
- Ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

ii. TASKA Di Tempat Kerja

- Menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan
- Ditubuhkan atas inisiatif majikan untuk kebajikan pekerja

iii. TASKA Di Rumah

- Menerima 4 hingga 9 orang kanak-kanak dalam jagaan
- Dijalankan di kediaman sendiri

- Apakah tujuan pemberian Bantuan Khas Kepada Pengusaha TASKA Yang Terkesan Dengan Perintah Kawalan Pergerakan?

Tujuan pemberian bantuan khas ini adalah untuk meringankan beban kos operasi TASKA dalam mematuhi Panduan Pencegahan (SOP) Penularan COVID-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan bagi Keselamatan Warga TASKA yang mula berkuatkuasa pada 4 Mei 2020.

- Apakah kos operasi yang akan ditanggung melalui peruntukan ini?

Antara kos operasi yang perlu ditanggung oleh pihak TASKA seperti disinfeksi/nyahkuman TASKA (di luar dan dalam TASKA), peralatan penyukat suhu badan, bahan sanitasi, pelitup muka dan kos pengurusan TASKA yang lain.

- Apakah kriteria pertimbangan pemberian bantuan khas ini?

Terdapat dua kriteria pertimbangan pemberian bantuan khas ini seperti berikut:

- dipertimbangkan kepada TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984[Akta 308].**
- dipertimbangkan kepada TASKA yang sedang dalam proses untuk didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308], DENGAN SYARAT mengemukakan permohonan pendaftaran TASKA kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian/ Cawangan yang berdekatan sebelum 31 Ogos 2020.**

5. Apakah dokumen yang diperlukan untuk mengesahkan TASKA Institusi dan TASKA di Tempat Kerja dalam proses untuk didaftarkan?

TASKA Institusi dan TASKA di Tempat Kerja yang sedang dalam proses untuk didaftarkan hendaklah mengemukakan salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), dan dokumen yang mengesahkan TASKA telah mengemukakan permohonan sokongan kepada agensi teknikal, iaitu:

- **Pihak Berkuasa Tempatan;**
- **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;**
- **Pejabat Kesihatan Daerah;**
- **Jabatan Tanah dan Survei (Sarawak sahaja).**

6. Apakah dokumen yang diperlukan untuk mengesahkan TASKA di Rumah dalam proses untuk didaftarkan?

TASKA di Rumah yang berpotensi untuk didaftarkan hendaklah mengemukakan dokumen yang mengesahkan pengusaha TASKA sedang atau telah mengambil Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

7. Bagaimanakah cara untuk pengusaha TASKA memohon bantuan khas ini?

- i. **Pengusaha TASKA boleh mendapatkan senarai semak permohonan daripada laman sesawang JKM**

(www.jkm.gov.my) atau hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian/ Cawangan yang berdekatan;

- ii. Pengusaha juga perlu mengemaskini maklumat dalam sistem Pusat Data Kanak-Kanak Kebangsaan (NCDC); dan
 - iii. Mengemukakan dokumen sokongan sepetimana dinyatakan dalam senarai semak ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian/ Cawangan yang terdekat.
8. Bolehkah pengusaha TASKA yang mempunyai lebih daripada sebuah TASKA memohon peruntukan di bawah bantuan khas ini?

BOLEH. Sekiranya pengusaha mempunyai lebih daripada satu buah TASKA, pengusaha boleh memohon dengan syarat mematuhi semua senarai semak yang telah ditetapkan.

9. Berapakah kadar bantuan khas yang layak diperolehi oleh untuk sesebuah TASKA?

Kadar bayaran bantuan khas ini terdiri daripada dua kategori, iaitu:

Kadar Bantuan	Kategori TASKA
RM 1,500 bagi sebuah TASKA	<ul style="list-style-type: none">• TASKA di Rumah
RM 5,000 bagi sebuah TASKA	<ul style="list-style-type: none">• TASKA di Tempat Kerja• TASKA Institusi

10. Bagaimanakah cara penyaluran peruntukan bantuan khas ini?

Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyalurkan bantuan khas yang diluluskan menerusi pindahan wang secara elektronik (EFT) ke dalam akaun bank atas nama TASKA.

11. Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya terdapat pertanyaan berhubung perkara ini?

Pertanyaan berhubung perkara ini boleh dibuat dengan:

- i. **Melayari laman sesawang JKM (www.jkm.gov.my); atau**
- ii. **Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri/Daerah/Jajahan/Bahagian yang berdekatan; atau**
- iii. **Menghubungi Bilik Gerakan JKM di talian 03-8323 1996; atau**
- iv. **Talian Kasih 15999/ WhatsApp Talian Kasih 019-2615999.**

Disediakan oleh:

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

14 Jun 2020